

Pelajar OKU UMS mahu pecah rekod

KOTA KINABALU: Meskipun penglihatannya terhadap pada jarak 50 meter, pelajar kurang upaya Universiti Malaysia Sabah (UMS), Abner Moilie bertekad menyahut cabaran Malaysia Book of Records untuk berlari tanpa henti selama 11 hari di atas pengisar injakan atau 'treadmill', bermula 20 Januari ini.

Abner, 21, pelajar bidang Sains Sukan, mengakui teruja apabila terpilih sebagai seorang daripada sembilan peserta dalam program yang julung kali diadakan oleh UMS sempena sambutan 20 tahun universiti itu.

"Walaupun penglihatan saya terbatas, ia tidak menghalang saya untuk menyahut cabaran ini kerana ia membuktikan bahawa golongan seperti saya mampu melakukan apa sahaja seperti insan normal lain," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan tajaan program itu di sini pada Khamis.

Peserta tunggal wanita, Dora Suan, 22, pelajar tahun tiga dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) turut yakin mampu menyahut cabaran itu sekali gus memecahkan rekod sedia ada.

"Dengan latihan yang telah kami lalui, saya yakin kami mampu membuat yang terbaik dan menjadikan UMS sebagai sebuah universiti yang unggul di negara ini," katanya yang merupakan atlet olahraga acara 1,500 meter dan 3,000 meter.

Sementara itu, pengarah program Laura Simon berkata pihaknya perlu memecah rekod yang dipegang oleh Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Samarahan, Sarawak sejak 2012.

"UiTM telah memadamkan rekod lama Universiti Malaya yang dicatat pada 2011 dengan rekod baharu 120 jam larian, selama lima hari dengan sembilan pelari,"

katanya.

Menerusi cabaran kali ini, peserta perlu berlari selama 264 jam atau 11 hari bagi mencipta rekod baharu 'Longest Distance Running On Treadmill By A Group 2014'.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Datuk Dr Mohd Harun Abdullah ketika berucap berkata program usaha sama antara Program Sains Sukan, SPPS dan Sekolah Perubatan itu merupakan cubaan universiti untuk mencipta nama dalam Malaysia Book of Records.

"Dengan adanya program yang melibatkan kekuatan fizikal dan mental ini, dapat menanamkan nilai-nilai positif dalam diri setiap pelajar dan menjadi inspirasi kepada pihak lain," katanya.

Program itu menerima 16 penaja antaranya Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Adabi Sabah Sdn Bhd, Sagajuta Sdn Bhd dan Celcom Axiata Berhad. - Bernama